



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

**JMK 316 – SASTERA RAKYAT: TEORI, METODOLOGI DAN
ANALISIS**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Bahagian A **wajib** dijawab. Jawab **TIGA (3)** soalan daripada Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Bahagian: A (Wajib)

1. Terdapat beberapa aspek teori Fungsional (*Functional*) dan Formula Lisan (*Oral-Formulaic*) yang meletakkan sastera rakyat sebagai medium hiburan. Bincangkan dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)

Bahagian B: Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

2. Anda ditugaskan membuat satu kerja lapangan untuk mengumpul cerita-cerita rakyat di lokasi tertentu. Bincangkan kaedah dan permasalahan tersebut.

(25 markah)

3. “Suatu perkara yang sangat-sangat menarik perhatian saya berkenaan dengan cerita-cerita penglipor lara ia-lah chara gambaran (imagery) yang di-lukiskan tentang sesuatu perkara. Tentang hal ini, saya dapati, chara melukis gambaran sesuatu perkara itu berbedza-bedza. Misal-nya dalam *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*” di-dapati gambaran ini:-

“Yang chapek datang bertongkat,

“Yang buta meraba-raba,

“Yang kechil terambil lintang,

“Yang jarak tolak-tolakan,

“Yang pendek tinjau meninjau,

“Yang kurap mengekor jalan”.

Tetapi dalam cerita “Raja Donan” tuturan Che’ Esah ini keadaan yang sama di lukiskan demikian:-

“Dengan buta datang berpimpin,

“Dengan patah datang bertongkat,

“Dengan pekak terteleng-teleng,

“Dengan kurap menyiah jalan”

Adakah ini di-sebabkan oleh pengaruh tempatan?

(*Raja Donan*, 1965:xvi)

Berdasarkan petikan ini, bincangkan ciri-ciri sastera rakyat tentang penyebaran dan pengaruh.

(25 markah)

4. “Sa-bermula tersebut-lah cherita Nakhoda Bahar belajar itu, tujuh hari tujuh malam, maka masok-lah kedelapan hari-nya, ia pun sampai-lah ka-lautan negeri Tiku Periaman dan kapal Periaman dan kapal besar itu di-labohkan sauh di kuala negeri itu serta di-pasang meriam sembilan kali berturut-turut. Maka kedengaran-lah bahana-nya kepada Dato’ Orang Kaya Besar. Maka ia pun segeralah ma’alumkan kepada tuan Puteri Gondan Genta Sari akan bunyi sambutan sembilan kali itu. Maka titah tuan puteri, Sila-lah periksa apa bunyi di-kuala itu musoh-kah atau chunda Tunggal Junjongan gerakan tiba dari belayar itu”. Maka Orang Kaya Besar pun bermohon-lah kepada tuan Puteri Gondan Genta Sari lalu amat besarnya ada berlaboh di-bambangan kuala negeri itu, maka sa-ketika lagi kelihatan-lah tujuh buah sampan tunda berdayong masuk dari kuala itu menuju kepada jambatan larangan itu” (*Hikayat Anggun Tunggal*, 1960:91-92).

Berdasarkan petikan ini, sejauh manakah latar tempat dalam *Hikayat Anggun Che Tunggal* dapat mengangkat kedudukannya sebagai cerita lipur lara maritim Melayu.

(25 markah)

5. Cerita-cerita jenaka seperti Pak Pandir, Lebai Malang dan Mat Jenin adalah antara cerita jenaka yang menarik dalam kalangan masyarakat Melayu silam sehingga kini. Sejauh manakah cerita-cerita tersebut memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat Melayu pada masa silam dalam menegur antara satu sama lain.

(25 markah)

6. Sebagai sebahagian daripada sastera rakyat, cerita teladan memaparkan konsep timbal balik dalam setiap perlakuan manusia. Bincangkan dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)